



PERBADANAN ASET KERETAPI

**SIARAN AKHBAR PERBADANAN ASET KERETAPI (PAK) BERHUBUNG
LAPORAN *THE MALAYSIAN INSIDER – RAILWAY ASSETS CORPORATION*
*OVERPAID CONTRACTOR FOR SERVICING EMU'S AUDIT REPORT REVEALS,***

16 JUN 2014

Merujuk kepada laporan oleh *The Malaysian Insider – Railway Assets Corporation Overpaid Contractor For Servicing Emu's Audit Report Reveals* dalam laman web portal berita online itu pada 16 Jun 2014, dua isu telah dibangkitkan iaitu pengenaan tuntutan denda lewat terima (LAD) kepada CSR ZhuZhou Electric Locomotive Co Limited (CSR ZELC) dan isu terlebih bayaran kepada CSR ZELC bagi penyenggaraan set tren secara harian.

Laporan *The Malaysian Insider* bahawa PAK telah mengenakan denda berjumlah RM435,500 berbanding RM1.88 juta yang sepatutnya dikenakan kepada CSR ZELC adalah tidak tepat kerana Perbadanan ini masih belum membuat sebarang tuntutan LAD kepada CSR ZELC. Untuk makluman, tuntutan akhir bagi kontrak pembekalan alat ganti belum dikemukakan oleh CSR ZELC. Pengenaan LAD hanya akan dimuktamadkan apabila bayaran akhir dibuat kepada CSR ZELC. Kontrak ini masih lagi berbaki RM5.025 juta manakala Bon Pelaksanaan berjumlah RM1.005 juta yang dipegang oleh PAK masih sah laku sehingga 30 Disember 2014.

Berhubung isu terlebih bayaran kepada CSR ZELC bagi penyenggaraan set tren secara harian di mana penemuan sekurang-kurangnya 50% penyenggaraan harian tidak dibuat untuk tempoh lima (5) bulan, keadaan ini berlaku disebabkan Unit Six Cars Set dan Unit Operasi Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) tidak dapat menghantar set tersebut seperti mana dijadualkan. Ini disebabkankekangan penggunaan set harian, jarak depoh penyenggaraan yang jauh, keperluan tren yang maksimum di musim perayaan dan keperluan memenuhi jadual penyenggaraan landasan. Walau bagaimanapun, penyenggaraan secara mingguan dan bulanan dibuat mengikut jadual yang ditetapkan.

Dalam menjawab isu *improper payment*, PAK berpendapat isu yang dibangkitkan adalah lebih kepada *improper management* kerana ketidakupayaan KTMB memenuhi keperluan teknikal bagi tujuan penyenggaraan. PAK telah membuat pembayaran setelah tuntutan tersebut disemak, disahkan dan diperakukan oleh KTMB selaras dengan Arahan Perbendaharaan 59.

Disediakan oleh:

Perbadanan Aset Keretapi

17 Jun 2014